

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan untuk memendekkan senarai menunggu jemaah haji terutama yang sudah berumur.

**JAWAPAN: (YB. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2014, pendeposit Lembaga Tabung Haji (**TH**) yang telah mendaftar dan sedang menunggu giliran untuk menunaikan fardhu haji adalah berjumlah 1.55 juta orang. Daripada jumlah tersebut, 17,200 orang (1.1%) adalah para pendeposit dalam kategori warga emas yang berumur 75 tahun ke atas.

**TH** sentiasa memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada bakal-bakal haji warga emas ini untuk ke tanah suci lebih awal daripada tahun giliran masing-masing. Namun, keutamaan diberikan kepada warga emas yang belum pernah menunaikan fardhu haji serta telah lulus pemeriksaan kesihatan.

Bagi menangani masalah pendeposit yang terpaksa menunggu lama untuk menunaikan fardhu haji, antara langkah-langkah lain yang diambil adalah seperti berikut:-

- i. pendaftaran semula bakal haji hanya boleh dilakukan selepas lima (5) tahun dari tarikh kali terakhir menunaikan fardhu haji;
- ii. tidak menawarkan tempat untuk menunaikan fardhu haji kepada kanak-kanak di bawah 15 tahun walaupun telah berdaftar; dan
- iii. bakal haji untuk kali kedua (sebagai mahram / pembantu / pengiring bakal haji terpilih) dikenakan bayaran penuh wang Belanja Haji, tanpa ditanggung oleh **TH**.

Sekian, terima kasih.